



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

## **SURAT PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 2 Tahun 2012**

### **LARANGAN MEMBAWA PENGARUH LUAR**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai larangan membawa pengaruh luar di Universiti Teknologi MARA.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Semua staf Universiti Teknologi MARA telah dimaklumkan mengenai larangan membawa pengaruh luar melalui Pekeliling Pendaftar Bil 31 Tahun 2008 bertarikh 23 Julai 2008 berkenaan tuntutan staf di dalam urusan kenaikan pangkat, pertukaran tempat bertugas, permohonan biasiswa dan apa-apa lain urusan lain yang mempengaruhi keputusan pihak universiti.

3. Dimaklumkan bahawa masih terdapat di kalangan staf yang mengemukakan surat sokongan daripada pihak Istana, Kementerian, Ahli Politik dan lain-lain pihak yang berpengaruh bagi memberi tekanan kepada pihak universiti terhadap tuntutan seperti dinyatakan di atas.

## **TUJUAN PELAKSANAAN**

4. Sehubungan itu YBhg Datuk/Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan diharap dapat memaklumkan mengenai larangan membawa pengaruh luar kerana perlakuan ini melanggar Peraturan 3(2)(h), Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan Surat Aku Janji yang telah ditandatangani staf. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana individu yang didapati melanggar peraturan ini.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

5. Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada 21 Jun 2012.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada 21 Jun 2012.

## **PEMAKAIAN**

7. Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



**DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**  
Pendaftar

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(UDG/01/2012-SP)*